

Sato Kogyo: Kecemerlangan projek sepenuhnya

Dengan sejarah selama 160 tahun, Sato Kogyo terus memberikan pembinaan berkualiti tertinggi bukan sahaja di Jepun, malah di Singapura dan negara-negara Asia Tenggara lain.



"Berdasarkan falsafah panduan kami iaitu 'kecemerlangan projek sepenuhnya' kami berusaha meningkatkan kepuasan pelanggan, membina ruang-ruang yang selamat, terjamin dan selesa, dan membangunkan infrastruktur sosial berkualiti tinggi."

Hiroshi Heima, Presiden,
Sato Kogyo Co., Ltd.
www.satokogyo.co.jp

Sebuah syarikat yang menyambut ulangtahunnya ke-160 tahun ini, Sato Kogyo adalah satu daripada kontraktor pembinaan tersohor di Jepun. Dengan lapan cawangan di seluruh negara, selain pejabat-pejabat antarabangsa di Singapura, Malaysia, Thailand dan Cambodia, Firma ini menggunakan prinsip panduannya 'kecemerlangan projek sepenuhnya' kepada sejumlah besar projek pembinaan dan kejuruteraan awam di dalam dan luar negara.

"Kami mempunyai pengalaman yang banyak dalam pembinaan bangunan komersil dan institusi, dan pembinaan untuk sektor-sektor industri seperti sains bio, farmaseutikal, aeroangkasa, pusat data dan semikonduktor," ujar President Sato Kogyo Hiroshi Heima. "Dalam kejuruteraan awam, kami mempunyai rekod yang boleh dipercayai dalam infrastruktur seperti jambatan, jejambat dan terowong. Kami telah menunjukkan keupayaan kami untuk melengkapkan projek-projek laluan pantas, berskala besar, memerlukan keupayaan teknikal yang tinggi dan berkualiti."

Kehadiran global Sato Kogyo yang semakin berkembang telah melihat perniagaan luar negaranya meningkat sehingga lebih kurang 25% jumlah volum jualan. Syarikat ini aktif secara khususnya di Singapura, di mana ia mula beroperasi setengah abad lepas.

"Satu daripada kelebihan kompetitif kami di Singapura dan pasaran-pasaran Asia Tenggara lain adalah sejarah 50 tahun dalam operasi perniagaan dan rekod projek yang telah terbukti," ujar En. Heima. "Disebabkan komitmen kami untuk mencapai tarikh akhir dan kepercayaan kuat dalam melengkapkan projek dengan berjaya, kami telah menjadi syarikat yang dipercayai pelanggan-pelanggan kami di Singapura dan negara-negara lain di Asia Tenggara."

"Sejarah kami di Singapura bermula dengan Jambatan Benjamin Sheares, gerbang ke Daerah Perniagaan Pusat di Singapura, sebuah jambatan yang unik dan menarik. Kami telah menyiapkan beberapa projek jambatan dan jejambat di Singapura dan telah membina lebih kurang 10% daripada jumlah landasan dan stesen untuk rangkaian kereta api Mass Rapid Transit Singapura. Selain itu, satu daripada projek kebanggaan kami mungkin adalah pusat-pusat data yang kami bina untuk sebuah syarikat IT Amerika di barat Singapura. Bangunan pertama telah disiapkan pada 2013 dan diikuti tiga lagi, dengan projek terakhir disiapkan pada 2021, menjadikan klien ini pengendali pusat-pusat data skala hiper terbesar di Singapura."

Kerja-kerja Sato Kogyo di Singapura telah memenangi anugerah: pada Jun 2022, Firma ini menerima Anugerah Antarabangsa Pembinaan Jepun Ke-5 oleh Kementerian Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan (MLIT) untuk projek-projek Bedok North Station, Mattar Station, Bencoolen Station dan terowong-terowong berkenaan untuk Mass Rapid Transit Downtown Line 3 pada kedalaman 43 bawah aras tanah. Bencoolen Station adalah stesen bawah tanah terdalam yang dibina di negara ini.

Memandang ke masa hadapan, Sato Kogyo kini mengorak langkah menerajui dengan teknologi-teknologi seperti building information modeling (BIM). Proses ini adalah kunci bagi mengatasi kekurangan yang semakin berkembang dalam hal tenaga kerja mahir di Jepun, disebabkan oleh populasi negaranya yang semakin berkurang dan berumur. "Kami sedang mencari jalan untuk mengalihkan kebergantungan kami ke arah mesin-mesin dan sistem-sistem berkomputer berbanding penjuruteraan manusia," jelas En. Heima. "Dalam beberapa projek, kami menggunakan

BIM untuk mengurangkan tenaga kerja yang diperlukan di tapak."

Dibuka pada Februari tahun ini, Pusat Teknologi Sato Kogyo yang baru adalah teras evolusi ini. Dijalankan oleh sumber-sumber tenaga diperbaharui seperti solar dan tenaga geoterma, kemudahan di Tsukuba juga mencerminkan komitmen Syarikat kearah kelestarian. "Berbanding bangunan-bangunan biasa pada skala yang sama, kami hanya menggunakan 22% daripada tenaga yang biasanya diperlukan," En. Heima menerangkan.

Pada 2020, komitmen Sato Kogyo ke arah masa hadapan lebih hijau menyebabkan ia mengumumkan dirinya sebagai syarikat 'Eco-First' dengan kerjasama Kementerian Alam Sekitar Jepun. "Pengumuman ini meningkatkan kesedaran di kalangan kakitangan kami yang menyedari mereka adalah sebahagian daripada syarikat yang menyumbang kepada masyarakat bebas karbon melalui pengurangan CO2, satu masyarakat kitar semula melalui pen-



Pusat Teknologi

gurangan sisa dan sejenis masyarakat yang simbiosis melalui pengekalan biodiversiti dan mempromosikan kelakuan mesra alam oleh kakitangan kami.

"Sasaran-sasaran ini akan menyumbang secara terus kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan PBB. Antara contoh khusus dalam usaha kami adalah penggunaan mesin-mesin pembinaan jenis hibrid, membenarkan kami mengurangkan pengeluaran CO2 di tapak-tapak pembinaan, dan pelaksanaan konsep-konsep rekaan mesra alam seperti bangunan-bangunan jimat tenaga dan perumahan jimat tenaga, di mana kami dapat menambahkan prestasi penjimatan tenaga dan mengurangkan CO2."

